



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 21 JANUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENGUSAHA, PENTERNAK AYAM TELUR DIBERI PINJAMAN MUDAH, BH -ONLINE	LAIN-LAIN
2.	PINJAMAN MUDAH UNTUK PENGUSAHA AYAM TELUR, NASIONAL, BH -14	
3.	CARI KAEDAH ATASI ISU BEKALAN TELUR AYAM, NASIONAL, SH -11	
4.	PESAWAH RUGI PADI DISERANG BENA PERANG, NEGARA, KOSMO -16	
5.	'SIASAT PENCEMARAN KILANG PROSES UDANG, SOTONG', NEGERI PULAU PINANG, SH -26	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

Pengusaha, penternak ayam telur diberi pinjaman mudah



KUALA LUMPUR: Kerajaan secara dasar bersetuju memberikan pinjaman mudah kepada pengusaha dan penternak ayam penelur dalam usaha memastikan bekalan telur sentiasa terjamin.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata keputusan itu dicapai melalui persetujuan bersama

membabitkan pelbagai pihak dalam sesi libat urus diadakan minggu lalu.

Bagaimanapun, katanya, jenis dan jumlah pengagihan pinjaman lunak itu akan dimuktamadkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Kewangan, bergantung kepada saiz pengoperasian pengusaha dan penternak ayam penelur berkenaan.

"Pinjaman lunak ditawarkan bagi membantu pengusaha menampung pertambahan kos operasi di ladang diusahakan mereka susulan faktor penularan pandemik COVID-19.

"Kerajaan akui (kekurangan bekalan telur ayam) dan mereka (pengusaha) mengadu kepada kita mereka (mengalami) kerugian sehingga tiga sen setiap telur, mengikut gred," katanya ketika ditemui selepas merasmikan sebuah kedai perkakasan rumah di sini, hari ini.

Isnin lalu, BH melaporkan, kerajaan diminta mempertimbangkan tiga syor bagi menyelesaikan isu kekurangan bekalan telur ayam yang menyaksikan harga hasil ladang itu turut meningkat kebelakangan ini.

Cadangan dikemukakan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) adalah penamatan serta-merta Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM), penyediaan lebih ramai pekerja asing ke sektor itu serta pemberian subsidi khas kepada pengusaha ladang ayam penelur.

Isnin lalu, BH melaporkan, kerajaan diminta mempertimbangkan tiga syor bagi menyelesaikan isu kekurangan bekalan telur ayam yang menyaksikan harga hasil ladang itu turut meningkat kebelakangan ini.

Dalam pada itu, Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, kerajaan sedang mencari mekanisme baharu yang mengetengahkan pendekatan menang-menang bagi semua pihak.

"Mekanisme baharu ini bagi mengatasi isu bekalan telur ayam supaya peniaga tidak mengalami kerugian selain pengguna tidak terbeban dengan lonjakan harga.

"Maknanya, mungkin (harga) dinaikkan sedikit untuk (membantu) penternak tetapi pada masa sama pengguna tidak terlalu terasa (dengan kadar kenaikan berkenaan)," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Rosol berkata, pihaknya akan terus menjalinkan kerjasama erat dengan pihak berkaitan, terutamanya MAFI bagi membantu memastikan harga barangan lain di pasaran dapat distabilkan.

Beliau berkata, isu kenaikan harga barang sentiasa dalam radar pemantauan KPDNHEP yang kini sedang memperhalusi kaedah berkesan bagi membendungnya, terutama apabila sambutan Tahun Baharu Cina dan Aidilfitri semakin hampir.

"Ini adalah antara yang telah kita fikirkan bagaimana untuk membendung kenaikan harga. Kenaikan saya nampak memang ada tetapi tidaklah terlalu mendadak sehingga membebankan (pengguna).

"Bagi kenaikan harga ikan, ia bergantung kepada tawaran dan permintaan di pasaran, didorong keadaan ekonomi terbuka. Justeru, kita dapat kerjasama daripada MAFI dan agensinya yang akan menjual ikan beku pada harga murah," katanya.

Pinjaman mudah untuk pengusaha ayam telur

Inisiatif kerajaan pastikan bekalan bahan makanan sentiasa cukup

Oleh Muhammad

Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan bersejua memberikan pinjaman mudah kepada pengusaha dan penternak ayam telur dalam usaha memastikan bekalan telur sentiasa terjamin.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata keputusan itu dicapai melalui persetujuan bersama membabitkan pelbagai pihak dalam sesi libat urus diadakan minggu lalu.

Bagaimanapun, katanya, jenis

dan jumlah pengagihan pinjaman lunak itu akan dimuktamadkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Kewangan, bergantung kepada salz pengoperasian pengusaha dan penternak ayam telur berkenaan.

"Pinjaman lunak ditawarkan bagi membantu pengusaha menangani kos operasi di ladang disusahakan dengan susulan faktor penularan pandemik COVID-19.

"Kerajaan akui (kekurangan bekalan telur ayam) dan mereka (pengusaha) mengadu kepada kita mereka (mengalami) kerugian sehingga tiga sen setiap telur, mengikut-gred," katanya ketika ditemui selepas merasmikan sebuah kedai perkakasan rumah, di sini semalam.

Isnin lalu, BH melaporkan kerajaan diminta mempertimbangkan tiga syor bagi menyelesaikan isu kekurangan bekalan telur ayam yang menyaksikan harga hasil ladang itu turut meningkat kebelakangan ini.

Cadangan dikemukakan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) adalah penamatan serta-merta Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM), peryediaan lebih ramai pekerja asing ke sektor itu serta pemberian subsidi khas kepada pengusaha ladang ayam telur.

Dalam pada itu, Rosol yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, kerajaan sedang mencari mekanisme baharu yang menentang-gahkan peningkatan menangan bagi

semua pihak.

"Mekanisme baharu ini bagi mengatasi isu bekalan telur ayam supaya peniaga tidak mengalami kerugian, selain pengguna tidak dibebani dengan lonjakan harga.

"Maknanya, mungkin (harga) dinaikkan sedikit untuk (membantu) penternak tetapi pada masa sama pengguna tidak terlalu terasa (dengan kadar kenaikan berkenaan)," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Rosol berkata, pihaknya akan terus menjalinkan kerjasama erat dengan pihak berkaitan, terutamanya MAFI bagi membantu memastikan harga barangan lain di pasaran dapat ditabalkan.

Beliau berkata, isu kenaikan harga barang sentiasa dalam radar pemantauan KPDNHEP yang kini sedang memperhalusi kaedah berkesan bagi membendunginya, terutama apabila sambutan Tahun Baharu Cina dan Aidilfitri semakin hampir.



Rosol Wahid

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Cari kaedah atasi isu bekalan telur ayam

KUALA LUMPUR

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang mencari kaedah baharu dan sesuai untuk mengimbangi situasi menang-menang di antara pengguna serta penternak susulan isu bekalan telur ayam.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, ia bertujuan memastikan penternak tidak mengalami kerugian selain pengguna tidak terbeban dengan peningkatan harga telur ayam ketika ini.

“Kita akui mereka (penternak) ada mengadu tentang perkara ini. Setiap telur, penternak dikatakan rugi hampir tiga sen, berdasarkan ‘gred telur’.

“Jadi, kita cuba fikir satu mekanisme untuk tidak mahu peniaga rugi dan pengguna tidak tertekan.

“Mungkin kita boleh naikkan (harga) sedikit untuk peniaga dan pengguna juga tidak terlalu terasa dengan kos kenaikan



ROSOL

harga telur ayam ini,” katanya selepas merasmikan pembukaan kedai barangan elektrik, elektronik dan perabot Nojima di sini pada Khamis.

Sebelum ini, kerajaan diminta mempertimbangkan tiga syor bagi menyelesaikan isu kekurangan bekalan telur ayam yang menyaksikan harga hasil ladang itu meningkat.

Cadangan dikemukakan Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) itu antaranya penamatan serta-merta Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM), penyediaan lebih ramai pekerja asing ke sektor itu serta subsidi khas kepada pengusaha ladang ayam penelur.

KPDNHEP juga akan terus menjalinan kerjasama erat dengan beberapa agensi khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi memastikan harga barangan lain seperti ikan dapat distabilkan semula.



PETANI dari Kampung Apil dan Kampung Bukit Larek di Alor Setar menunjukkan tanaman padi yang kering dan tidak berisi akibat serangan bena perang.

Lebih 30 petani hanya mampu lihat tanaman kering

Pesawah rugi padi diserang bena perang

Oleh MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

ALOR SETAR – Lebih 30 petani di dua kampung di Pokok Sena, di sini kerugian kira-kira RM60,000 selepas 20 hektar sawah diusahakan rosak akibat serangan serangga perosak, bena perang.

Petani, Mohd. Syawal Abu Bakar, 45, dari Kampung Bukit Larek berkata, tanaman padi mereka diserang serangga perosak itu sejak sebulan lalu ketika pokok mula mengeluarkan buah.

Katanya, serangan tersebut menyebabkan tanaman menjadi kering dan tidak berisi.

"Pada mulanya serangan bena perang berlaku dalam satu kawasan sawah sahaja dan dalam masa beberapa malam sahaja merebak ke seluruh sawah.

"Serangan ini merebak dengan

cepat dan sukar dikawal sehingga saya terpaksa membeli racun untuk mengatasinya," katanya yang kerugian hampir RM10,000.

Katanya, kali terakhir petani di kawasan itu mengalami serangan bena perang ialah tiga tahun lalu.

"Keadaan ini menyebabkan ramai petani terpaksa mencari sumber kewangan lain bagi membiayai tanaman musim akan datang.

Seorang lagi petani, Ahmad Sarbani Abdullah, 49, dari Kampung Apil pula berkata, selepas diuji dengan musibah banjir baru-baru ini, petani diduga pula dengan serangan bena perang.

"Banyak sawah di Kampung Apil dan Kampung Bukit Larek diserang bena perang itu dan kami buntu untuk mencari racun

untuk membasmi serangan ini.

"Saya berharap agensi kerajaan terlibat dapat turun meninjau serta membantu menyelesaikan masalah ini.

"Harga racun yang melonjak sejak akhir-akhir ini menyebabkan petani tidak mampu lagi untuk membelinya, sebaliknya kami mampu melihat sahaja bena perang itu menyerang serta memusnahkan padi," ujarnya yang kerugian kira-kira RM8,000.

Sementara itu, Ketua Unit Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Ismail Ahmad ketika ditemui berkata, masalah itu sudah diajukan kepada pihak PPK Pokok Sena.

"Masalah ini lebih sulit dan berat kepada golongan petani di dua kampung ini yang menyewa sawah," tambahnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/1/2022	SINAR HARIAN	NEGERI PULAU PINANG	26

'Siasat pencemaran kilang proses udang, sotong'



Seorang nelayan menunjukkan parit yang tercemar akibat pembuangan sisa buangan dari kilang berkenaan.

GEORGETOWN - Lebih 100 nelayan pantai di Batu 12 1/2, Jalan Pantai Kuala Kurau, Perak bimbang kawasan mereka mencari makan tercemar dengan sisa buangan kilang.

Difahamkan, perkara itu sudah berlarutan lebih 10 tahun lalu, namun tiada tindakan diambil ke atas kilang tersebut oleh mana-mana pihak berkuasa.

Presiden Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, kilang memproses udang dan sotong itu dipercayai telah membuang sisa buangan ke laut berhampiran sehingga ia tercemar.

Sehubungan itu, pihaknya menggesa Jabatan Alam Sekitar (JAS) Perak segera menyiasat masalah pencemaran sisa buangan dari kilang berkenaan.

"Dalam tinjauan yang dibuat CAP baru-baru ini, kami diberitahu oleh nelayan-nelayan yang terlibat bahawa pengusaha kilang di sini membuang sisa itu ke laut melalui saluran paip dan parit berdekatan.

"Selain mencemarkan air laut, bahan buangan tersebut juga menimbulkan bau busuk di samping menjejaskan pembiakan ikan, udang, ketam serta siput yang menjadi sumber tangkapan utama nelayan-nelayan dan penduduk tempatan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Mohideen berkata, nelayan mendakwa selain sumber pendapatan berkurangan hampir 50 peratus setiap kali kawasan tangkapan tercemar, mereka turut mengalami kerugian besar kerana sisa buangan dari kilang berkenaan melekat pada jaring dan tidak boleh digunakan lagi.

"CAP kesal dengan kejadian ini walaupun sudah lama berlaku, namun sehingga sekarang tiada tindakan berkesan diambil. Kita percaya jika masalah ini dibiarkan, ia akan berlarutan dan boleh mengancam alam sekitar serta menjejaskan nelayan," katanya.